

APLIKASI MODEL DICK & CAREY DALAM PENGAJARAN TAJUK PETA LAKAR GEOGRAFI TINGKATAN SATU

APPLICATION OF THE DICK & CAREY MODEL IN TEACHING THE TOPIC OF SKETCH MAPS IN FORM ONE GEOGRAPHY

Mohammad Azri Amatan^{1*}

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak,
Malaysia¹

azri.amatan@fsk.upsi.edu.my¹

Corresponding Author*

Received: 24 Oktober 2025

Accepted: 12 November 2025

Published: 14 November 2025

To link to this article: <https://doi.org/10.51200/jpp.v13i1.6884>

ABSTRAK

Kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh seseorang guru amat dipengaruhi oleh sejauh mana guru tersebut dapat merancang proses pengajaran secara sistematik. Sehubungan itu, Model Dick & Carey merupakan satu instrumen yang boleh digunakan oleh guru di Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Model ini menggariskan sepuluh langkah sistematik yang boleh dijadikan panduan dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Langkah-langkah tersebut bermula dengan mengenal pasti objektif pengajaran, menjalankan analisis pelajaran, mengenal pasti pengetahuan sedia ada dan ciri-ciri murid, menulis objektif pencapaian, membina atau merumus item rujukan kriteria, membangunkan strategi pengajaran, membina dan memilih bahan pengajaran, membina serta melaksanakan penilaian formatif, membina serta melaksanakan penilaian sumatif, dan seterusnya menambah baik pengajaran. Dalam konteks ini, penyelidik menggunakan reka bentuk kajian tindakan guru berasaskan model Kemmis dan McTaggart melibatkan kitaran perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian di Sabah dan melibatkan seorang guru Geografi Tingkatan 1 serta 24 orang murid sebagai sampel kajian tindakan. Instrumen kajian termasuk video *Peta Lakar* sebagai set induksi, kuiz *Kahoot* sebagai ujian formatif, lembaran kerja sebagai penilaian sumatif, serta rujukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (DSKP KSSM) Geografi Tingkatan 1. Data dianalisis secara tematik selaras dengan langkah-langkah Model Dick & Carey. Dapatan kajian berjaya mengaplikasikan Model Dick & Carey dalam konteks sebenar bilik darjah, seterusnya membuktikan penerapan langkah-langkah dalam model ini dapat membantu guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dengan lebih teratur, meningkatkan kefahaman murid, serta menyumbang kepada penambahbaikan berterusan dalam amalan pedagogi. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada para guru di Malaysia untuk memahami dengan lebih mendalam struktur

Model Dick & Carey, dan seterusnya dapat digunakan dalam mereka bentuk rancangan pengajaran harian dengan lebih berkesan.

Kata Kunci: *Model Dick & Carey, pengajaran dan pembelajaran, mata pelajaran geografi*

ABSTRACT

The quality of teaching and learning implemented by a teacher is highly influenced by the extent to which the teacher can plan the teaching process systematically. In this regard, the Dick & Carey Model serves as a valuable framework that can be utilised by teachers in Malaysia to enhance their teaching effectiveness. This model outlines ten systematic steps that can guide teachers in delivering effective instruction. These steps include identifying instructional goals, conducting lesson analysis, assessing students' prior knowledge and characteristics, writing learning objectives, developing or formulating criterion-referenced items, designing teaching strategies, selecting and preparing instructional materials, conducting formative assessments, conducting summative assessments, and revising instruction. In this study, the researcher employed a teacher action research design based on the Kemmis and McTaggart model, involving cycles of planning, action, observation, and reflection. The study was conducted at a daily secondary school in Sabah and involved one Form 1 geography teacher and 24 students as the research sample. The research instruments included a Peta Lakar video as the set induction, a Kahoot quiz as the formative assessment, worksheets as the summative assessment, and references from the Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (DSKP KSSM) Form 1 Geography. Data were analysed thematically in accordance with the steps of the Dick & Carey Model. The findings demonstrate the successful application of the Dick & Carey Model in an actual classroom context, showing that the implementation of its steps can help teachers plan and conduct teaching more systematically, enhance students' understanding, and contribute to continuous improvement in pedagogical practice. This study is expected to serve as a guide for teachers in Malaysia to gain a deeper understanding of the structure of the Dick & Carey Model and apply it effectively in designing daily lesson plans.

Keywords: *Dick & Carey Model, teaching and learning, geography subject*

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran adalah proses kompleks yang memerlukan perancangan rapi bagi memastikan matlamat pendidikan tercapai. Dalam konteks pendidikan formal, guru memegang peranan yang sangat penting sebagai fasilitator utama dalam membantu murid memahami dan menguasai isi kandungan kurikulum secara berkesan. Menurut Roestiyah (1988) kaedah pengajaran tradisional yang banyak digunakan, terutama di negara-negara membangun termasuk Malaysia, masih bergantung kepada pengajaran secara ceramah, di mana guru menyampaikan ilmu secara satu hala kepada murid. Kaedah ini secara tradisinya dilihat efektif untuk menyampaikan maklumat dalam jumlah yang banyak dalam masa yang singkat, namun ia mempunyai kelemahan dari segi penglibatan murid dan keberkesanan pembelajaran jangka panjang.

Dalam sejarah pendidikan Malaysia, kaedah ceramah telah menjadi pendekatan dominan dalam pengajaran di sekolah-sekolah (Djamarah, 1996). Namun begitu, dalam menghadapi tekanan perubahan dan tuntutan abad ke-21, yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi, kerjasama, dan pembelajaran sendiri, kaedah konvensional ini dianggap kurang relevan dan tidak mampu memenuhi keperluan pembelajaran masa kini. Pendidikan abad ke-21 memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih berpusatkan murid, interaktif, serta memanfaatkan teknologi dan strategi pengajaran yang lebih bervariasi untuk menjana minat dan menyokong pembelajaran secara aktif (Saavedra & Opfer, 2012).

Sehubungan itu, guru digalakkan untuk menggunakan model pengajaran yang lebih terstruktur dan sistematik bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Model pengajaran yang sistematik membantu guru dalam merancang aktiviti pembelajaran dengan lebih terperinci dan berkesan, sekaligus meminimumkan kekeliruan dan ketidaksepaduan dalam proses pengajaran (Reiser & Dempsey, 2012). Salah satu model yang telah diterima secara meluas dalam bidang pendidikan dan latihan ialah Model Dick & Carey yang dibangunkan berasaskan prinsip reka bentuk instruksional (*instructional design*). Model ini menekankan proses perancangan pengajaran yang menggunakan pendekatan sistematik meliputi sepuluh langkah, bermula dari mengenal pasti keperluan instruksional sehingga ke penilaian dan penambahbaikan pengajaran (Dick *et al.*, 1990).

Model Dick & Carey mempunyai kelebihan dalam menyediakan satu rangka kerja yang lengkap dan terperinci untuk merancang pengajaran, di mana langkah-langkahnya bertujuan menjamin objektif pembelajaran dapat dicapai melalui bahan dan strategi pengajaran yang sesuai. Langkah-langkah seperti mengenal pasti objektif pengajaran yang spesifik, menjalankan analisis pelajaran yang mendalam, serta membina bahan pengajaran berasaskan objektif dan ciri murid, sangat membantu guru dalam mengawal proses pengajaran supaya lebih berkesan (Smith & Ragan, 2005). Selain itu, model ini juga menekankan pentingnya penilaian formatif dan sumatif dalam menilai pencapaian murid serta kualiti pengajaran secara keseluruhan, seterusnya dapat membolehkan guru secara aktif melakukan penambahbaikan pengajaran secara berterusan.


Kajian ini akan memfokuskan kepada aplikasi Model Dick & Carey dalam pengajaran Geografi Tingkatan 1 menggunakan topik Peta Lakar. Topik Peta Lakar dipilih kerana ia memerlukan pemahaman konsep visual dan kemahiran menggambar peta yang boleh menjadi cabaran kepada murid jika tidak dirancang secara sistematik. Melalui model ini, guru dapat merancang pengajaran yang sistematik bermula daripada menentukan objektif pembelajaran yang jelas, memilih bahan bantu mengajar yang sesuai, sehingga mengadakan penilaian yang mencerminkan pencapaian objektif tersebut. Dengan cara ini, diharapkan pengajaran topik ini dapat menjadi lebih tersusun, menarik, dan berkesan dalam mengekalkan minat murid serta meningkatkan pemahaman mereka.

Aplikasi model ini juga diharap dapat menjadi panduan berguna kepada para guru di Malaysia dalam melaksanakan pengajaran yang lebih efektif dan cekap, khususnya dalam mata pelajaran Geografi. Keberkesanan pengajaran bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik murid, malah turut memberi kesan positif kepada motivasi pembelajaran dan kemampuan murid untuk mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar, sejajar dengan aspirasi Pendidikan Abad Ke-21 yang holistik dan bersepadu (Reiser & Dempsey, 2012; Saavedra & Opfer, 2012).

MODEL DICK & CAREY

Model pembelajaran yang dikemukakan oleh Dick & Carey telah lama digunakan untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif, efisien, dan menarik. Model ini dibangun berdasarkan pendekatan sistematik atau “*system approach*” yang mengaitkan komponen-komponen utama dalam pembelajaran, seperti analisis, reka bentuk, pengembangan, pelaksanaan, dan penilaian. Dalam konteks ini, aktiviti pengajaran tidak dilihat sebagai aktiviti terpisah, tetapi sebagai suatu sistem bersepadu di mana setiap langkah saling berkaitan dan menyumbang kepada keseluruhan kejayaan proses pembelajaran (Dick *et al.*, 1990; Omoregie *et al.*, 2025).

Model Dick & Carey dalam Rajah 1 terdiri daripada sepuluh langkah utama yang perlu diikuti dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kesepuluh langkah tersebut saling berkait dan membentuk satu rangka kerja yang padat, dari satu langkah ke langkah berikutnya, memudahkan guru untuk merancang pengajaran secara sistematik dan berstruktur (Muhtar *et al.*, 2025). Langkah-langkah ini merangkumi aspek mengenal pasti matlamat pengajaran sebagai asas utama, melakukan analisis keperluan dan analisis pengajaran untuk memahami kandungan dan objektif, mengenal pasti pengetahuan sedia ada dan ciri-ciri murid, merumuskan objektif pencapaian yang boleh diukur dan dinilai, membina alat penilaian (item-item rujukan kriteria), membangunkan strategi dan bahan pengajaran yang sesuai, melaksanakan penilaian formatif dan sumatif, serta melakukan penambahbaikan (*Revised Instruction*) berdasarkan maklum balas yang diperoleh (Dick & Carey, 1996; Muhtar *et al.*, 2025).



Rajah 1. Model Dick & Carey

Keunikan Model Dick & Carey terletak pada sifatnya yang iteratif dan sistematik, di mana setiap langkah dibuat dengan teliti berdasar input dan output yang berkesinambungan. Hal ini membolehkan perancangan pengajaran yang bukan sahaja bersifat linier tetapi juga fleksibel dengan adanya penyesuaian berdasarkan penilaian berterusan dan pembelajaran dalam konteks semasa (Omoregie *et al.*, 2025). Pendekatan ini menjadikannya sangat sesuai digunakan dalam situasi pembelajaran yang dinamik, termasuk pembelajaran berasaskan

projek dan pembelajaran gabungan (*blended learning*) yang semakin popular dalam pendidikan masa kini (Muhtar *et al.*, 2025).

Selain itu, model ini sangat sesuai diaplikasikan dalam pengajaran mata pelajaran yang memerlukan kemahiran khusus dan pemahaman konsep yang mendalam, seperti Geografi, khususnya dalam topik Peta Lakar. Penggunaan Model Dick & Carey membolehkan guru merancang aktiviti pengajaran secara sistematik dari peringkat penetapan matlamat, pemilihan bahan bantu mengajar, pelaksanaan strategi pengajaran, hingga penilaian pencapaian murid. Perkara ini bukan sahaja membantu murid lebih memahami konsep yang diajar, malah meningkatkan minat dan keberkesanan pembelajaran dalam bilik darjah (Muhtar *et al.*, 2025; Omoregie *et al.*, 2025).

Secara keseluruhan, Model Dick & Carey menyediakan satu rangka kerja reka bentuk instruksional yang menyeluruh dan praktikal untuk diamalkan oleh para guru di Malaysia. Dengan mengikuti langkah-langkah yang terperinci dan saling berkait ini, proses pengajaran dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih tersusun, sistematik, dan berasaskan bukti, sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran dalam konteks pendidikan abad ke-21 (Dick *et al.*, 1990; Muhtar *et al.*, 2025).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tindakan (*action research*) berasaskan model (Kemmis & McTaggart, 1988) iaitu melibatkan kitaran perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi secara berterusan untuk memperbaiki amalan pengajaran. Pemilihan reka bentuk kajian ini adalah bagi membolehkan guru mengenal pasti masalah, merancang tindakan untuk mengatasinya, melaksanakan tindakan tersebut, dan membuat refleksi berdasarkan data dari pemerhatian dan maklum balas. Proses ini seterusnya diulang dalam kitaran bagi mencapai peningkatan berterusan dalam amalan pengajaran.

Kajian dijalankan di sebuah sekolah menengah harian di Sabah dan melibatkan seorang guru Geografi Tingkatan 1 bersama 24 orang murid sebagai sampel kajian. Instrumen kajian direka untuk menyokong proses pengajaran dan penilaian secara berkesan. Set induksi menggunakan video Peta Lakar untuk menarik minat murid pada awal sesi, membantu menimbulkan konteks pembelajaran yang jelas serta merangsang motivasi dan tumpuan murid. Penilaian formatif dijalankan melalui kuiz kilat menggunakan platform *Kahoot* yang membolehkan penilaian segera dan interaktif terhadap kefahaman murid. Penilaian sumatif pula menggunakan lembaran kerja yang membolehkan pengukuran kefahaman dan aplikasi murid terhadap konsep, ciri-ciri, serta simbol pandang darat fizikal dan budaya secara lebih mendalam dan reflektif. Rujukan kurikulum dibuat berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah Geografi Tingkatan 1, memastikan kesesuaian kandungan pembelajaran dengan standard pendidikan nasional (KPM, 2017).

Proses pengajaran dirancang mengikut sepuluh langkah Model Dick & Carey, iaitu bermula dengan mengenal pasti matlamat pengajaran berdasarkan DSKP dan Rancangan Pengajaran Tahunan. Analisis pengajaran dilakukan untuk menentukan kandungan utama yang perlu dikuasai murid serta mengenal pasti pengetahuan sedia ada mereka melalui pemerhatian dan temubual, membolehkan perancangan pengajaran secara lebih berfokus. Objektif

pengajaran dirumuskan untuk memastikan murid mencapai kemahiran mengenal pasti konsep, ciri, dan simbol pandang darat fizikal dan budaya.

Bagi instrumen kajian, pengkaji membina item rujukan kriteria melalui kuiz *Kahoot* dan lembaran kerja sebagai alat penilaian berterusan sepanjang proses pengajaran. Strategi pengajaran dirancang menggunakan pendekatan konstruktivisme yang menggalakkan pembelajaran aktif dan bermakna serta kaedah koperatif seperti *Kagen Round Robin* dan *Numbered Heads Together* yang meningkatkan interaksi dan kerjasama antara murid (Johnson & Johnson, 1999). Bahan pengajaran yang relevan dan pelbagai seperti video, buku teks, dan buku rujukan turut digunakan untuk memenuhi pelbagai gaya pembelajaran murid dan memperkayakan pengalaman PdP. Penilaian formatif dan sumatif dilaksanakan secara sistematik sepanjang sesi bagi memantau dan menilai pencapaian murid dari masa ke masa. Refleksi dan penambahbaikan pengajaran dilakukan berdasarkan maklum balas murid dan data penilaian, konsisten dengan langkah *Revised Instruction* dalam model ini.

Data kajian seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik iaitu mengikut langkah-langkah yang digariskan dalam Model Dick & Carey, iaitu melibatkan pemerhatian guru, refleksi terhadap strategi, bahan pengajaran, serta analisis keputusan penilaian formatif dan sumatif. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai secara mendalam keberkesanan model dalam meningkatkan pengurusan pengajaran, kefahaman murid, interaksi bilik darjah, dan penambahbaikan berterusan dalam amalan pedagogi. Secara keseluruhan, pemilihan metodologi kajian ini adalah bagi memastikan proses pengajaran dilaksanakan adalah mengikut Model Dick & Carey secara sistematik, interaktif, berstruktur, dan responsif terhadap keperluan murid, sejajar dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 yang menekankan kemahiran berfikir kritis, komunikasi, kolaborasi, dan kreativiti.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Aplikasi Model Dick & Carrey Dalam Pengajaran

Aplikasi Model Dick & Carey dalam pengajaran ditunjukkan secara jelas melalui contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi mata pelajaran Geografi Tingkatan 1 seperti Jadual 1. Melalui perancangan RPH ini, Model Dick & Carey digunakan sebagai kerangka sistematik bagi memastikan proses pembelajaran yang berstruktur dan berkesan, bermula daripada merancang matlamat hingga kepada penilaian dan penambahbaikan pengajaran (Dick *et al.*, 1990; Omoregie *et al.*, 2025).

Dalam pembinaan RPH, guru mengenal pasti matlamat pengajaran yang merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP) dan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) mata pelajaran Geografi Tingkatan 1. Fokus pembelajaran ialah membezakan konsep serta ciri-ciri pandang darat fizikal dan budaya melalui simbol dalam Peta Lakar. Matlamat ini menjadi asas yang jelas untuk membentuk keseluruhan RPH yang dihasilkan. Seterusnya, melalui analisis pengajaran, guru mengupas kandungan pembelajaran mengikut keperluan kurikulum yang menekankan pemahaman lengkap tentang ciri-ciri dan simbol pandang darat dalam Peta Lakar. Analisis ini penting untuk menentukan apa yang murid perlu kuasai dan apa bahan yang perlu disediakan untuk menyokong pembelajaran.

Kemudian, guru mengenal pasti pengetahuan sedia ada dan ciri-ciri murid melalui pemerhatian dan temubual, memberi gambaran awal tentang tahap kefahaman murid mengenai konsep peta dan simbol. Perara ini membolehkan guru menyediakan set induksi yang relevan dan memperkuat asas pembelajaran murid. Objektif pembelajaran yang terperinci ditulis berdasarkan maklumat awal tersebut, bertujuan agar murid dapat mengenal pasti konsep, ciri, dan simbol pandang darat fizikal serta budaya. Objektif ini juga menjadi rujukan dalam penyusunan strategi pengajaran dan penilaian yang akan dilaksanakan. Untuk tujuan penilaian, guru membina item-item rujukan kriteria yang merangkumi kuiz kilat berplatform *Kahoot* sebagai penilaian formatif sepanjang pengajaran, dan lembaran kerja sebagai penilaian sumatif di akhir sesi. Penilaian berterusan ini membantu guru memantau pencapaian murid dan memperbaiki proses pembelajaran secara dinamik.

Bagi strategi pengajaran pula dirancang berdasarkan teori konstruktivisme, dimana guru menggunakan video sebagai set induksi bagi menarik minat murid. Pendekatan koperatif seperti struktur Kagen yang melibatkan aktiviti Round Robin dan Numbered Head Together digunakan bagi meningkatkan interaksi dan keseronokan dalam kelas, seiring dengan kemahiran abad ke-21. Bahan pengajaran dipilih dan dibina mengikut keperluan topik, termasuk buku teks, buku rujukan, papan tulis, serta video berkaitan untuk membantu murid memahami isi pembelajaran dengan cara yang lebih visual dan interaktif.


Penilaian formatif dilaksanakan sepanjang pengajaran melalui aktiviti kuiz kilat bagi menilai kefahaman secara cepat dan memberi maklum balas segera kepada guru dan murid. Penilaian sumatif disempurnakan dengan aktiviti lembaran kerja yang menilai pemahaman dan aplikasi murid terhadap konsep yang dipelajari. Dalam peringkat revisi, guru membuat refleksi ke atas keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan hasil penilaian dan maklum balas murid. Sekiranya ada kelemahan, guru akan menyesuaikan dan memperbaiki rancangan pengajaran untuk sesi akan datang, mencerminkan ciri iteratif Model Dick & Carey yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. Keseluruhannya, RPH ini menjadi contoh relevan aplikasi Model Dick & Carey yang menunjukkan bagaimana langkah-langkah sistematik model ini dapat diguna pakai dalam merancang aktiviti pengajaran yang berstruktur, interaktif, dan efektif. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan guru dalam pengurusan kelas dan pelaksanaan pengajaran, malah dapat meningkatkan minat, penglibatan, dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Geografi, khususnya topik Peta Lakar.

Jadual 1. Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Tarikh / Hari	02/10/2025 / Selasa
Kelas / Masa	1 Dedikasi / 1.30 – 2.30 (1 Jam)
Bil. Murid	24 Orang
Mata Pelajaran	Geografi
Tajuk	Kemahiran Geografi
Sub Tajuk	1.3 Peta Lakar
Standard	Peta lakar yang lengkap dengan ciri, simbol, pandang darat fizikal dan
Kandungan	pandang darat Budaya.
Standard Pembelajaran	1.3.3 Membezakan pandang darat fizikal dan pandang darat budaya berdasarkan peta lakar. Simbol Dalam Peta Lakar.
Hasil Pembelajaran	Pada akhir pembelajaran, murid dapat: 1. Mengenal pasti konsep pandang darat fizikal dan budaya

ABM / BBM	2. Mengenal pasti ciri-ciri pandang darat fizikal dan budaya
KBAT	3. Mengenal pasti simbol pandang darat fizikal dan budaya
Aktiviti	Buku teks Geografi Tingkatan 1, buku rujukan, buku kerja, papan tulis
Nilai	I –Think – Peta Pokok
	Kagen – Round Robin / Numbered Head Together
	Kuiz Kilat - Kahoot
	Kerjasama Dan Ketelitian

Peringkat-Peringkat Model Pembelajaran Dick & Carrey



Rajah 2. Aplikasi Model Pembelajaran Dick & Carey dalam Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 1: Tajuk Peta Lakar

Peringkat 1 : Mengenal Pasti Matlamat Pengajaran

Guru bertindak mengenal pasti matlamat pengajaran iaitu dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP) dan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) bagi mata pelajaran Geografi Tingkatan 1. Dalam konteks sesi pengajaran yang dijalankan kali ini, guru telah mengenal pasti apakah matlamat pengajaran iaitu konsep, ciri-ciri dan simbol pandang darat fizikal dan budaya berdasarkan Peta Lakar.

Peringkat 2 : Mengendalikan Analisis Pengajaran

Guru bertindak menganalisis isi pelajaran berdasarkan DSKP dan RPT. Guru menyenaraikan apakah isi-isi pelajaran yang sepatutnya dikuasai oleh murid dan dalam konteks sesi pengajaran kali ini iaitu konsep, ciri-ciri dan simbol pandang darat fizikal dan budaya.

Peringkat 3 : Mengenal Pasti Pengetahuan Sedia Ada dan Ciri-Ciri Murid

Melalui pemerhatian dan temubual rawak di dalam kelas, guru mendapati murid sedia tahu tentang konsep konsep peta. Guru mendapat gambaran awal bagi memudahkan guru merancang set induksi yang bersesuaian. Guru juga bertindak mengimbas kembali pengetahuan sedia ada murid bagi mengukuhkan lagi ingatan murid terhadap isi pelajaran.

Peringkat 4 : Menulis Objektif Pencapaian

Setelah mendapat gambaran awal tahap pengetahuan murid, guru mula menetapkan apakah objektif dan isi pelajaran yang minimum boleh dicapai oleh murid. Dalam konteks sesi pengajaran kali ini, Guru mengenal pasti ciri-ciri dan simbol pandang darat fizikal dan budaya berdasarkan Peta Lakar.

Peringkat 5 : Membina atau Menggubal Item - Item Rujukan Kriteria

Berdasarkan penetapan objektif yang telah dilakukan, guru bertindak membina item-item untuk digunakan sebagai bahan pengukuhan disepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru merancang penggunaan kaedah pengajaran Abad Ke-21 iaitu penggunaan Kuiz Kilat *Kahoot* sebagai ujian Formatif dan Lembaran Kerja di akhir aktiviti PdP sebagai ujian Sumatif.

Peringkat 6 : Membina Strategi Pengajaran

Guru memilih Teori Konstruktivisme dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru juga menyediakan Set Induksi bagi menarik minat murid iaitu dengan tayangan video yang berkiatan. Disepanjang aktiviti pembelajaran, guru merancang menggunakan pendekatan Koperatif dengan memilih Pendekatan Struktur Kagen seperti *Round Robin* dan *Numbered Head Together* bagi menjadikan pengajaran lebih menyeronokkan.

Peringkat 7 : Membina dan Memilih Bahan Pengajaran

Guru membuat pemilihan video bersesuaian dengan topik disamping memilih bahan-bahan pengajaran yang relevan seperti buku-buku rujukan dan lain-lain ABM/BBM yang berkaitan. Guru juga memilih dan menggunakan aktiviti pengajaran bersesuaian seperti yang dirancang pada peringkat enam (6).

Peringkat 8 : Membina dan Melaksanakan Penilaian Formatif

Guru telah bersedia dan melaksanakan aktiviti Kuiz Kilat (*Kahoot*) yang diselang-seli disepanjang pengajaran guru. Guru telah memastikan segala keperluan untuk menjalankan aktiviti ini telah terlebih dahulu dirancang sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Peringkat 9 : Membina dan Melaksanakan Penilaian Sumatif

Setelah tamat aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru telah bersedia untuk menjalankan ujian sumatif melalui penyediaan Lembaran Kerja pada akhir pengajaran sebagai langkah pengukuhan.

Peringkat 10 : Revised Instruction

Guru bertindak menyemak semula setiap peringkat dan menambah baik jika terdapat kelemahan dan membuat refleksi pengajaran dan pembelajaran.


Set Induksi: Video Peta Lakar

Rujuk Youtube <https://www.youtube.com/watch?v=dQiDHphXPA8>



Aktiviti Kahoot: Ujian Formatif

Web Khoot : <https://kahoot.it/>)







Lembaran Kerja: Penilaian Sumatif


1. Nyatakan simbol-simbol berikut berdasarkan ciri-ciri fizikal dan budaya:

	1.		6.		11.
	2.		7.		12.
	3.		8.		13.
	4.		9.		14.
	5.		10.		15.

2. Tandakan (✓) pada simbol-simbol peta lakar di bawah.

Simbol	Ciri Fizikal	Ciri Budaya
1. 		
2. 		
3. 		
4. 		
5. 		

3. Berdasarkan Peta Pekan Setia, nyatakan simbol-simbol berikut berdasarkan ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri budaya.



Pekan Setia dan sekitarnya

Ciri Fizikal

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

Ciri Budaya

1. _____
2. _____
3. _____
5. _____

Lembaran DSKP KSSM Geografi Tingkatan 1: Tajuk Peta Lakar

KSSM GEOGRAFI TINGKATAN 1				
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.3 Peta Lakar Peta lakar yang lengkap dengan ciri, simbol, pandang darat fizikal dan pandang darat budaya.	Murid boleh: 1.3.1 Menggunakan peta lakar yang tepat dengan ciri-ciri peta. 1.3.2 Menggunakan simbol yang tepat dalam peta lakar. 1.3.3 Membezakan pandang darat fizikal dan pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta lakar. 1.3.4 Menghasilkan peta lakar yang lengkap berdasarkan pandang darat setempat.	1	Menyatakan ciri-ciri peta lakar.	Cadangan Aktiviti • Membina peta pemikiran atau peta minda untuk membezakan pandang darat fizikal dan budaya berdasarkan peta lakar yang dihasilkan melalui kerja kumpulan. • Melakar peta setempat yang mengandungi ciri fizikal dan budaya untuk pembangunan masa depan dan membuat persembahan.
		2	Memberi contoh simbol yang terdapat dalam peta lakar.	
		3	Mengenal pasti simbol pandang darat fizikal dan pandang darat budaya.	
		4	Melakar peta dengan ciri-ciri peta dan simbol yang lengkap.	
		5	Melakar peta kawasan persekitaran sekolah yang lengkap dengan ciri-ciri peta, simbol pandang darat fizikal serta pandang darat budaya.	
		6	Melakar peta kawasan persekitaran sekolah yang lengkap dengan ciri-ciri peta, simbol pandang darat fizikal serta pandang darat budaya dan mempersembahkannya.	

KESIMPULAN

Reka bentuk Model Dick & Carey adalah satu pendekatan sistematik yang mudah difahami dan diaplikasikan secara praktikal dalam pengajaran. Kelebihan model ini adalah keupayaan dalam menerangkan dengan jelas bagaimana setiap langkah atau prosedur saling berhubung dan digunakan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru lebih terstruktur dan berkesan. Kepelbagaian langkah dalam model ini bukan sahaja membantu guru dalam merancang dan menyusun aktiviti pembelajaran, bahkan memastikan proses pengajaran berjalan lancar, sistematik dan efektif sehingga mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Model ini menyediakan rangka kerja yang memandu guru dari peringkat penetapan matlamat pengajaran, analisis kandungan dan murid, perancangan strategi dan bahan pengajaran, sehinggalah pelaksanaan penilaian formatif dan sumatif serta penambahbaikan berterusan secara reflektif.

Dengan adanya kerangka yang lengkap ini, guru lebih mudah mengorganisasi pengajaran berdasarkan keperluan sebenar murid dan konteks pembelajaran, sekaligus membantu menjadikan sesi PdP lebih bermakna dan meningkatkan pencapaian murid. Selain itu, Model Dick & Carey yang bersifat iteratif, iaitu proses yang dilakukan berulang kali dalam beberapa kitaran (*cycles*) bagi membolehkan guru melakukan penyesuaian dan penambahbaikan secara berterusan berdasarkan maklum balas dan penilaian yang dijalankan, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dari masa ke masa. Model ini amat sesuai diaplikasikan dalam pelbagai mata pelajaran dan tahap pembelajaran, khususnya bagi topik yang memerlukan pendekatan pembelajaran yang teratur, jelas dan berorientasikan hasil seperti dalam pengajaran Geografi tentang Peta Lakar. Kesimpulannya, Model Dick & Carey adalah alat berguna yang membantu guru merancang, melaksanakan dan menilai pembelajaran secara lebih sistematik, efektif dan berkesan, serta memberi peluang penambahbaikan berterusan yang menyumbang kepada kejayaan proses pembelajaran.

Conflict of Interest: *The authors have no conflicts of interest to declare.*

Author Contributions: *Mohammad Azri Amatan wrote the manuscript. The author has read and agreed to the published version of the manuscript.*

Institutional Review Board Statement: *Not applicable.*

Informed Consent Statement: *Not applicable.*

Data Availability Statement: *The data presented in this review are available on request from the corresponding author.*

Acknowledgement: *Not applicable.*

RUJUKAN

- Dick, W., & Carey, L. (1996). *The systematic design of instruction* (4th (ed.)). Harper Collins College Publishers.
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. O. (1990). *The systematic design of instruction* (3rd (ed.)). Harper Collins.
- Dick, W., Carey, L., & Carey, J. O. (2005). *The systematic design of instruction* (6th (ed.)). Pearson Education.
- Djamarah, S. B. (1996). *Strategi belajar mengajar*. PT Rineka Cipta.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1999). *Learning together and alone: Cooperative, Competitive, and individualistic learning* (5th (ed.)). Allyn & Bacon.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner* (3rd (ed.)). Deakin University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Geografi Tingkatan 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhtar, M., Suryanti, B., Bachtiar, S., Kurniawati, E., Indana, I., Sultonun, H., & Sulaiman, W. (2025). Preparation for the development of Project Based Learning Model using instructional design Dick & Carey in Vocational School. *Edupij Journal*. <https://doi.org/10.22521/edupij.2025.17.316>
- Omoregie, I., Anthony, H., & Braimoh, J. J. (2025). Comparative analysis of instructional models for designing effective online courses: ADDIE, SAM, and Dick & Carey approaches. *Journal of Languages & Translation*, 5(1), 40–50.
- Reiser, R. A., & Dempsey, J. V. (2012). *Trends and issues in instructional design and technology* (3rd (ed.)). Pearson.
- Roestiyah, N. K. (1988). *Strategi belajar mengajar*. Bina Aksara.
- Saavedra, A. R., & Opfer, V. D. (2012). Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching. *Phi Delta Kappan*, 94(2), 8–13. <https://doi.org/10.1177/003172171209400203>
- Smith, P. L., & Ragan, T. J. (2005). *Instructional design* (3rd (ed.)). Wiley.

Disclaimer / Publisher's Note: *The statements, opinions and data contained in all publications are solely those of the individual author(s) and contributor(s) and/or the editor(s). The editor(s) disclaim responsibility for any injury to people or property resulting from any ideas, methods, instructions or products referred to in the content.*